

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN
SHAH [KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 27 MEI 2015

SOALAN :

YB. Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah usaha-usaha pihak Kementerian menambahkan lagi bilangan pengusaha-pengusaha kraf tradisi Malaysia seperti pembuat tembaga, perak dan emas yang semakin berkurangan terutamanya di Pantai Timur Semenanjung bagi memenuhi minat serta permintaan pelancong-pelancong asing.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menerusi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia sentiasa giat membantu membangunkan usahawan kraf tembaga, perak dan emas di Pantai Timur Semenanjung. Pada tahun 2014, jumlah keseluruhan usahawan kraf dalam bidang tersebut adalah seramai 603 orang dengan nilai jualan yang berjaya diperoleh adalah sebanyak RM91.9 juta. Daripada jumlah tersebut, seramai 77 orang usahawan kraf dari negeri Kelantan, 39 orang dari negeri Terengganu dan 17 orang usahawan dari negeri Pahang. Jumlah jualan keseluruhan bagi negeri-negeri tersebut adalah sebanyak RM12.7 juta (14%) daripada RM91.9 juta.

Bagi memperkasakan usahawan tersebut, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia telah memberi bantuan dan kemudahan menerusi aktiviti Orientasi Pengeluaran, Bimbingan Keusahawanan dan Insentif Pengeluaran serta Perniagaan. Pada tahun 2014, sebanyak dua (2) makmal pengeluaran produk logam telah dilaksanakan iaitu Makmal Bimbingan Teknikal Campuran Besi Mata Keris di Kelantan dengan melibatkan seramai 10 orang peserta. Manakala Makmal Pembuatan Mata Pisau Ukir Halus diadakan di Pahang dengan penglibatan seramai 30 orang peserta. Selain itu, seramai 88 orang peserta telah menyertai projek uji lari pengeluaran produk logam di seluruh negara. Seramai 21 orang usahawan turut diberikan bantuan Insentif Pengeluaran dan Perniagaan dalam bentuk mesin, bengkel serta bahan promosi.

Pada tahun 2014 juga, satu projek khas pembangunan periuk tembaga telah dilaksanakan di negeri Terengganu yang melibatkan seramai empat (4) orang usahawan kraf tembaga. Tujuan utama projek ini adalah untuk meningkatkan kualiti dan memberi nilai tambah pada periuk tembaga sesuai dengan perkembangan semasa. Projek pembangunan ini juga bertujuan untuk mempromosi penggunaan peralatan masakan daripada tembaga yang berkonsepkan mesra pengguna ke pasaran tempatan dan antarabangsa.

Di samping itu, Institut Kraf Negara (IKN) juga memainkan peranan sebagai sebuah institusi pendidikan yang memberi latihan kemahiran dalam bidang kraf secara sistematik kepada pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di peringkat sijil dan diploma. Enam (6) bidang kraf yang diajar iaitu batik, tenunan, rotan buluh, ukiran kayu, seramik dan logam (perak dan tembaga). Dari tahun 2001 sehingga 2014, IKN telah melatih seramai 300 orang pelajar dalam bidang kraf logam dan seramai 277 orang (92.3%) pelajar dari jurusan ini telah menyertai dalam industri kraf logam samada sebagai usahawan ataupun pekerja. Secara tidak langsung, IKN menjadi salah satu daripada usaha Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dalam membantu meningkatkan bilangan pengusaha bagi industri kraf logam di negara ini.

Pelaksanaan aktiviti di atas telah membantu memajukan industri kraf terutamanya dalam pembuatan tembaga, emas dan perak ke arah potensi yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.